

Program Kitar Semula



★ Apakah kitar semula?

Kitar semula ialah proses memperolehi atau menjadikan sebahagian atau semua bahan dari sampah untuk diguna semula.

Program Kitar Semula

★ Prinsip dalam menguruskan sisa pepejal

Hieraki sisa pepejal dan pembangunan yang mampan terhadap pengurusan sisa pepejal. Menyedari pentingnya hieraki pengurusan sisa pepejal, maka kerajaan telah melancarkan Program Kitar Semula pada tahun 2002.

★ Tahukah Anda?

Setiap dari kita menghasilkan sampah lebih kurang 0.8 kilogram setiap hari. Negara kita pula menghasilkan lebih 15,000 tan sampah setiap hari. Sekiranya semua sampah ini dikumpul, ia akan memenuhi Menarak Berkembar Petronas hanya dalam 9.5 hari sahaja.

Jumlah penghasilan sampah dinegara kita dijangka akan terus meningkat pada kadar 2% setahun dan angka ini sangat bergantung kepada cara pembuangan sampah yang kita semua amalkan. Penghasilan sampah yang banyak menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada alam sekitar. Oleh itu sebelum terlambat, masri kita semua mulakan amalan mengitar semula.

★ Apa yang boleh dikitar semula?

- ❖ Kertas
- ❖ Plastik
- ❖ Logam
- ❖ Kaca
- ❖ Bahan Organik (Compositing)
- ❖ Lain-Lain (kayu, tekstail, getah, sisa binaan dan lain-lain)

★ Antara perkara yang boleh dilakukan :

- ❖ Asingkan sampah
- ❖ Guna semula benda yang boleh diguna.

